

PENGARUH SOKONGAN SOSIAL, MOTIVASI
DAN RESILIEN TERHADAP DISIPLIN
PELAJAR PROGRAM DIPLOMA
KOLEJ VOKASIONAL
ZON TENGAH

AMIR HAMZAH BIN SOFHI @ SUBHI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**PENGARUH SOKONGAN SOSIAL, MOTIVASI DAN RESILIEN TERHADAP
DISIPLIN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA KOLEJ VOKASIONAL
ZON TENGAH**

AMIR HAMZAH BIN SOFHI @ SUBHI

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR PENDIDIKAN TINGGI**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**


2025


PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

04 Julai 2025

AMIR HAMZAH BIN SOFHI @ SUBHI
P90422



 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

G. PERAKUAN TESIS SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS)			
Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	AMIR HAMZAH BIN SOFHI @ SUBHI		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P90422@sisiwa.ukm.edu.my	Sesi Akademik (Academic Session)	
Tajuk Tesis (Thesis Title)	PENGARUH SOKONGAN SOSIAL, MOTIVASI DAN RESILIEN TERHADAP DISIPLIN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA KOLEJ VOKASIONAL ZON TENGAH		


Merujuk kepada Klausula 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai (*Tandakan ✓ bagi maklumat yang berkaitan):
(With regard to Clause 4.2 of the UKM Student Intellectual Property Policy (Supplementary), the thesis is the student's property. I hereby declare this thesis as (*Mark ✓ on relevant information):



- *RAHSIA
(CONFIDENTIAL)** Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972
(Consisting of classified information under the OFFICIAL SECRETS ACT 1972)
- *TERHAD
(RESTRICTED)** Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan
(Consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organization/body where the research was conducted)
- *AKSES TERBUKA/
TIDAK TERHAD
(OPEN ACCESS/
NON-RESTRICTED)** Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(I allow this thesis to be published through open access, full text or copied for study, learning and research purposes only)

Bagi kategori Akses Terbuka / Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana / Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

(For the Open Access / Non-Restricted category, I allow this (Master's / Doctoral) Thesis to be kept in the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library with the following usage conditions:)

- Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(UKM Library has the right to reproduce the thesis for study, learning and research purposes only.)
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.
(UKM Library is allowed to make one (1) copy of this thesis for exchange purposes among higher education institutions and any government body/agency, subject to terms and conditions.)

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)		PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)	
 TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)		 Prof. Ts. Dr. Mohamad Sattar Rasul Pengerusi Pusat Kajian Pembudayaan STEM (STEM Enculturation Center) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia TANDATANGAN PENYELIA / PENERUSI JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)	
Kad Pengenalan /: No. Pasport (Identity Card / Passport No.)		Nama Penyelia: Pengerusi JK Siswazah (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name)	
Tarikh: (Date)		Tarikh: (Date)	
3.7.2025		3.7.2025	

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berjaya menyiapkan tesis ini. Tanpa rahmat dan hidayah-Nya, usaha ini mungkin tidak akan terlaksana dengan sempurna. Segala puji bagi Allah yang telah memberikan kekuatan, kesabaran, dan ketabahan kepada saya dalam menghadapi segala cabaran sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis saya, Prof. Ts. Dr. Mohamad Sattar bin Rasul, atas bimbingan, nasihat, dan tunjuk ajar yang berterusan. Tidak lupa juga kepada penyelia kedua saya, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Effendi @ Ewan bin Mohd Matore, serta penyelia Pendidikan Tinggi, Dr. Ahmad Zamri bin Mansor, yang sentiasa memberikan dorongan dan panduan ilmiah yang sangat berharga. Kecemerlangan dan komitmen mereka dalam membimbing saya menjadi pemangkin semangat untuk terus maju dan menghasilkan karya yang bermutu.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya, Sofhi @ Subhi bin Man dan Asma binti Kasa. Pengorbanan dan doa mereka merupakan sumber inspirasi yang tidak ternilai. Tanpa sokongan moral dan material mereka, saya tidak mungkin berada di tahap ini. Juga, setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri saya, Dr. Nursyakirah binti Mohammad Nasir, yang telah banyak berkorban masa, tenaga, dan kewangan demi memastikan kejayaan saya dalam menyiapkan pengajian ini. Kasih sayang dan sokongan beliau menjadi pendorong utama dalam menghadapi segala cabaran.

Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih yang setulus hati kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan sokongan moral, idea-idea yang bernas, serta motivasi yang tidak pernah luntur sepanjang tempoh pengajian ini. Perkongsian ilmu, pengalaman, dan semangat kerjasama yang tinggi dalam kalangan kita amat bermakna dan telah menyumbang kepada kejayaan saya menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, kepada semua individu yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih. Semoga segala usaha kita semua diberkati oleh Allah SWT dan dapat memberikan manfaat kepada bidang ilmu yang kita ceburi. Segala jasa dan sumbangan yang diberikan, hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Disiplin pelajar merupakan aspek penting dalam pendidikan, terutamanya di kolej vokasional yang menekankan pembangunan sahsiah dan kemahiran teknikal. Melalui sorotan literatur di dapati elemen sokongan sosial, motivasi dan resilien kurang di kaji dalam mempengaruhi disiplin. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap sokongan sosial (ibu bapa, rakan sebaya, pensyarah), motivasi (intrinsik dan ekstrinsik), resilien, dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma kolej vokasional. Selain itu, kajian ini meneliti perbezaan pemboleh ubah berdasarkan jantina, hubungan antara pemboleh ubah, serta pengaruh sokongan sosial, motivasi dan resilien terhadap disiplin pelajar. Kajian kuantitatif ini menggunakan rekabentuk tinjauan dengan melibatkan 337 pelajar diploma yang dipilih secara pensampelan rawak berstrata daripada 10 buah kolej vokasional di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Instrumen soal selidik yang telah diadaptasi kajian lepas iaitu dimensi sokongan sosial dari kajian Sokongan Persekitaran dan Keterlibatan Pelajar Dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Serta Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah, dimensi motivasi dan disiplin dari kajian Instrumen motivasi di adaptasi dari Instrumen Remaja Salah Laku Disiplin serta resilien dari The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA dan di uji kesahan dan kebolehpercayaan melalui kaedah Contents Variable index, Scale Contents Variable index dan nilai untuk kepercayaan menggunakan alfa Cronbach digunakan untuk mengumpul data berkaitan pemboleh ubah kajian. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan tahap sokongan sosial, motivasi, dan resilien berada pada tahap sangat baik, manakala tahap disiplin berada pada tahap cemerlang. Pelajar perempuan mempunyai tahap sokongan sosial yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki, namun tiada perbezaan signifikan bagi motivasi dan resilien berdasarkan jantina. Selain itu pelajar lelaki lebih banyak melakukan pelanggaran disiplin berbanding pelajar perempuan. Analisis korelasi pula menunjukkan hubungan yang kuat bagi resilien dan motivasi dan lemah bagi sokongan sosial dengan disiplin. Walau bagaimanapun, analisis regresi berganda mendedahkan hanya motivasi dan resilien mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap disiplin pelajar sebanyak 67%. Dapatan kajian ini memberi implikasi penting kepada pentadbir dan pensyarah kolej vokasional untuk membangunkan program intervensi yang menekankan aspek motivasi dan daya tahan pelajar bagi meningkatkan tahap disiplin, dengan memberi perhatian khusus kepada pelajar lelaki. Kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluaskan skop pemboleh ubah sokongan sosial, motivasi intrinsik-ekstrinsik, dan resilien dengan menganalisis hubungannya terhadap 12 kategori kes disiplin SSDM dalam kalangan pelajar pelbagai peringkat pengajian di institusi pendidikan tinggi seluruh Malaysia. Penyelidikan wajar menggunakan pendekatan metodologi campuran kuantitatif-kualitatif dengan melibatkan pensyarah dan ibu bapa sebagai responden tambahan, serta mengintegrasikan kerangka teori yang diperluas untuk merangka strategi intervensi berasaskan bukti dalam pendidikan vokasional.

**THE INFLUENCE OF SOCIAL SUPPORT, MOTIVATION, AND RESILIENCE ON
THE DISCIPLINE OF DIPLOMA PROGRAM STUDENTS AT VOCATIONAL
COLLEGES IN THE CENTRAL ZONE**

ABSTRACT

Student discipline is an important aspect of education, particularly in vocational colleges that emphasize character development and technical skills. Through literature review, it was found that elements of social support, motivation, and resilience are under-researched in influencing discipline. This study aims to identify the levels of social support (parents, peers, lecturers), motivation (intrinsic and extrinsic), resilience, and discipline among vocational college diploma students. Additionally, this study examines variable differences based on gender, relationships between variables, and the influence of social support, motivation, and resilience on student discipline. This quantitative study employed a survey design involving 337 diploma students selected through stratified random sampling from 10 vocational colleges in Selangor and Federal Territory of Kuala Lumpur. The questionnaire instruments were adapted from previous studies: the social support dimension from the study "Environmental Support and Student Engagement in Enhancing Soft Skills and Academic Achievement of Secondary School Students," the motivation and discipline dimensions from the study "Motivation Instrument adapted from the Juvenile Delinquent Discipline Instrument," and resilience from The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA. The instruments were tested for validity and reliability through Content Validity Index methods, Scale Content Validity Index, and reliability values using Cronbach's alpha were used to collect data related to the study variables. The descriptive analysis findings showed that the levels of social support, motivation, and resilience were at very good levels, while the discipline level was at an excellent level. Female students had higher levels of social support compared to male students, but there were no significant differences in motivation and resilience based on gender. Additionally, male students committed more disciplinary violations compared to female students. Correlation analysis showed strong relationships for resilience and motivation, and weak relationships for social support with discipline. However, multiple regression analysis revealed that only motivation and resilience had significant influence on student discipline, accounting for 67%. The findings of this study provide important implications for vocational college administrators and lecturers to develop intervention programs that emphasize aspects of student motivation and resilience to improve discipline levels, with special attention to male students. Further research is recommended to expand the scope of social support, intrinsic-extrinsic motivation, and resilience variables by analyzing their relationships with 12 categories of SSDM discipline cases among students of various study levels in higher education institutions throughout Malaysia. Research should appropriately use mixed quantitative-qualitative methodological approaches involving lecturers and parents as additional respondents, as well as integrating expanded theoretical frameworks to formulate evidence-based intervention strategies in vocational education.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI ILUSTRASI		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB I	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Pendidikan Tinggi, Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	2
1.3	Penyataan Masalah Kajian	7
1.4	Kerangka Teori Kajian	14
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.6	Tujuan Kajian	23
1.7	Objektif Kajian	23
1.8	Persoalan Kajian	24
1.9	Hipotesis	25
1.10	Kepentingan Kajian	26
	1.10.1 Amalan	26
	1.10.2 Organisasi	27
	1.10.3 Dasar dan Polisi	28
	1.10.4 Teoretikal	29
1.11	Batasan Kajian	30
1.12	Definisi Istilah	31
	1.12.1 Pelajar Kolej Vokasional	31
	1.12.2 Sokongan Sosial	31
	1.12.3 Motivasi	32
	1.12.4 Resilien	32
	1.12.5 Disiplin	32
1.13	Rumusan	33

BAB II	KAJIAN LITERASI	
2.1	Pengenalan	36
2.2	Pengaruh Sokongan Sosial dan Teori Sokongan Sosial	36
	2.2.1 Sokongan Sosial Ibu Bapa	38
	2.2.2 Sokongan Sosial Rakan Sebaya	41
	2.2.3 Sokongan Sosial Pensyarah Kolej Vokasional	45
2.3	Disiplin di Kolej Vokasional Malaysia	48
2.4	Jenis – jenis Kesalahan Disiplin yang Direkod dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (ssdm) di Kolej Vokasional	51
	2.4.1 Tingkah Laku Jenayah	51
	2.4.2 Buli	51
	2.4.3 Rokok	52
	2.4.4 Ponteng	52
	2.4.5 Tingkah Laku Lucah	52
	2.4.6 Tingkah Laku Kurang Sopan	52
	2.4.7 Vandelisme	53
	2.4.8 Tingkah Laku Tidak Amanah	53
	2.4.9 Kenakalan	53
	2.4.10 Tidak Pentingkan Masa	53
	2.4.11 Kekemasan Diri	54
	2.4.12 Kes Khas	54
2.5	Kajian Lepas Berkaitan Disiplin	54
2.6	Disiplin Mengikut Jantina	58
2.7	Resilien	60
	2.7.1 Model Resilien Kumpfer (1999)	63
	2.7.2 Model Resilien Kumpfer (1999) dalam Konteks kajian ini	65
2.8	Teori-teori Sosial	66
	2.8.1 Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner	67
	2.8.2 Aplikasi Lapisan Mikrosistem dalam Kajian Ini	74
	2.8.3 Teori Interaksionisme	76
	2.8.4 Teori Regulasi Perhubungan	77
2.9	Teori-Teori Motivasi	78
	2.9.1 Teori SDT (<i>Self-Determination Theory</i>)	78
	2.9.2 Aplikasi <i>Self Determine Theory</i> (SDT) dalam kajian ini	85
	2.9.3 Teori Motivasi Teori Motivasi Dua Faktor Herzberg	87
	2.9.4 Teori Motivasi Pencapaian McClelland	87
2.10	Rumusan	88

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	92
3.4	Intrumen Kajian	97
	3.4.1 Pembinaan Instrumen Soal Selidik	98
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	103
	3.5.1 Penilaian Kesahan Pakar	106
	3.5.2 Kebolehpercayaan	112
	3.5.3 Kajian Rintis	113
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	114
3.7	Prosedur Penganalisan Data	116
	3.7.1 Analisis Deskriptif	120
	3.7.2 Analisis Inferens	122
3.8	Rumusan	127
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	128
4.2	Dapatan Kajian	128
	4.2.1 Tahap Sokongan Sosial	129
	4.2.2 Tahap Motivasi	135
	4.2.3 Tahap Resilien	138
	4.2.4 Tahap Disiplin	142
	4.2.5 Perbezaan Sokongan Sosial, Motivasi, Resilien, dan Disiplin Pelajar berdasarkan Faktor Jantina	153
	4.2.6 Hubungan antara Sokongan Sosial, Motivasi, dan Resilien dengan Disiplin	156
	4.2.7 Pengaruh Sokongan Sosial, Motivasi, dan Resilien terhadap Disiplin	158
4.3	Rumusan	167
BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	169
5.2	Ringkasan Kajian	170
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	176
	5.3.1 Mengenal Pasti Tahap Sokongan Sosial Pelajar yang Mencakupi Aspek Sokongan Ibu Bapa, Rakan Sebaya, Pensyarah Kolej Vokasional	

	dalam Kalangan Pelajar Diploma Kolej Vokasional	177
5.3.2	Mengenal Pasti Tahap Motivasi Yang Mencakupi Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik dalam Kalangan Pelajar Diploma Kolej Vokasional	182
5.3.3	Mengenal Pasti Tahap Resilien Dalam Kalangan Pelajar Diploma Kolej Vokasional	184
5.3.4	Mengenal Pasti Tahap Disiplin dalam Kalangan Pelajar Diploma Kolej Vokasional	185
5.3.5	Mengenal Pasti Samada Terdapat Perbezaan Tahap Sokongan Sosial, Motivasi, Resilien dan Disiplin Pelajar Diploma Kolej Vokasional Berdasarkan Faktor Demografi Pelajar Jantina	189
5.3.6	Mengenal Pasti Sama Ada Terdapat Hubungan antara Sokongan Sosial, Motivasi, dan Resilien Terhadap Disiplin dalam Kalangan Pelajar Diploma Kolej Vokasional	192
5.3.7	Mengenal Pasti Samada Terdapat Pengaruh atau Sumbangan Aspek Sokongan Sosial, Motivasi, Resilien Terhadap Disiplin dalam Kalangan Pelajar Diploma Kolej Vokasional	194
5.4	Kesimpulan dan Sumbangan Hasil Kajian	198
5.5	Implikasi Kajian	200
5.5.1	Implikasi Kajian Kepada Pensyarah Kolej Vokasional	200
5.5.2	Implikasi Kajian Terhadap Kolej Vokasional	201
5.5.3	Implikasi terhadap Bahagian Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV)	203
5.5.4	Implikasi Kajian Kepada Rakan Sebaya	203
5.5.5	Implikasi Kepada Ibu Bapa	204
5.5.6	Implikasi kepada Teori	205
5.6	Sumbangan Kajian	206
5.6.1	Sumbangan Terhadap Teori	206
5.6.2	Sumbangan Terhadap Bidang Penyelidikan	207
5.6.3	Sumbangan Kepada Praktikal	207
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	208
5.8	Rumusan	211
	RUJUKAN	213
	LAMPIRAN	
Lampiran A	Ujian Kenormalan dan Data Ekstrem	235
Lampiran B	Borang Soal Selidik	239

Lampiran C	Kebenaran Menjalankan Kajian	248
Lampiran D	Kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia	251
Lampiran E	Pengesahan Pakar	253
Lampiran F	Output SPSS	258




SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Senarai kolej vokasional dan jumlah pelajar diploma	93
Jadual 3.2	Senarai kolej vokasional dan jumlah pelajar diploma	96
Jadual 3.3	Jadual spesifik instrumen kajian	102
Jadual 3.4	Profil pakar penilai alat kajian	105
Jadual 3.5	Kesahan kandungan Sokongan Sosial	107
Jadual 3.6	Kesahan kandungan motivasi	108
Jadual 3.7	Kesahan kandungan Resilien	109
Jadual 3.8	Kesahan kandungan Disiplin	110
Jadual 3.9	Interpretasi kebolehpercayaan	112
Jadual 3.10	Nilai pekali alfa Cronbach	112
Jadual 3.11	Nilai kepencongan dan kurtosis	118
Jadual 3.12	Senarai item negatif	120
Jadual 3.13	Interpretasi skor min tahap sosial, motivasi dan resilien	121
Jadual 3.14	Interpretasi skor min tahap disiplin	121
Jadual 3.15	Ujian kehomogenan	123
Jadual 3.16	Interpretasi pekali korelasi	123
Jadual 3.17	Analisis kajian	124
Jadual 4.1	Demografi responden	129
Jadual 4.2	Tahap sokongan sosial	130
Jadual 4.3	Frekuensi dan peratus sokongan ibu bapa	130
Jadual 4.4	Frekuensi dan peratus sokongan rakan sebaya	132
Jadual 4.5	Frekuensi dan peratus sokongan pensyarah	133
Jadual 4.6	Min keseluruhan motivasi	135
Jadual 4.7	Frekuensi dan peratus motivasi ekstrinsik	135

Jadual 4.8	Frekuensi dan peratus motivasi intrinsik	137
Jadual 4.9	Tahap Resilien	138
Jadual 4.10	Frekuensi dan peratus resilien diri	139
Jadual 4.11	Frekuensi dan peratus resilien keluarga	140
Jadual 4.12	Frekuensi dan peratus resilien kolej	141
Jadual 4.13	Tahap disiplin (tahap kategori reverse)	142
Jadual 4.14	Frekuensi dan peratus tingkah laku jenayah	143
Jadual 4.15	Frekuensi dan peratus buli	144
Jadual 4.16	Frekuensi dan peratus rokok	145
Jadual 4.17	Frekuensi dan peratus tingkah laku ponteng	146
Jadual 4.18	Frekuensi dan peratus tingkah laku kurang sopan	147
Jadual 4.19	Frekuensi dan peratus tingkah laku vandalisme	148
Jadual 4.20	Frekuensi dan peratus tingkah laku tidak amanah	149
Jadual 4.21	Frekuensi dan peratus piawai kenakalan	150
Jadual 4.22	Frekuensi dan peratus tidak pentingkan masa	151
Jadual 4.23	Frekuensi dan peratus kekemasan diri	152
Jadual 4.24	Ujian-t sokongan sosial berdasarkan jantina	153
Jadual 4.25	Ujian-t motivasi berdasarkan jantina	154
Jadual 4.26	Ujian-t resilien berdasarkan jantina	154
Jadual 4.27	Ujian-t disiplin berdasarkan jantina	155
Jadual 4.28	Korelasi antara sokongan sosial, motivasi, dan resilien dengan disiplin	156
Jadual 4.29	Analisis Varian	158
Jadual 4.30	Regresi berganda meramal disiplin	158
Jadual 4.31	Keputusan analisis kajian	163

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka teori kajian	18
Rajah 1.2	Kerangka konseptual kajian	22
Rajah 2.1	Model sistem ekologi Bronfenbrenner (1979)	69
Rajah 3.1	Tatacara pemerolehan data kajian	116
Rajah 3.2	Histogram bagi Sokongan Sosial	118
Rajah 3.3	Histogram bagi Motivasi	119
Rajah 3.4	Histogram bagi Resilien	119
Rajah 3.5	Histogram bagi Disiplin	120
Rajah 4.1	Normal P-P Plot	161
Rajah 4.2	Plot Ralat vs Ramalan	161



SENARAI SINGKATAN

BPLTV	Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IRSLD	Instrumen Remaja Salah Laku Disiplin
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
MQA	Malaysian Qualification Accreditation
NKEA	National Key Economic Area
OCHA	United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs
PPNM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
PTSD	Post-Traumatic Stress Disorder
RRT	Teori Relasi Hubungan
RSEA	The Resilience Scale for Early Adolescents
SDT	Self-Determination Theory
SP	Sisihan Piawai
SPSS-PC	Statistical Package For The Social Sciences
SSDM	Sistem Sahsiah Diri Murid
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Disiplin merupakan keperibadian seseorang dan membentuk personaliti pelajar sama ada di peringkat sekolah ataupun institusi pengajian tinggi, terutama di Kolej Vokasional (KV). Disiplin ini merupakan peraturan yang harus dipatuhi berdasarkan garis panduan yang ditetapkan sekali gus melatih diri untuk bersikap terpuji seperti mempunyai keperibadian baik dengan menjaga tata tertib, tatasusila, akhlak, dan bersopan santun dalam berkata-kata dan melakukan sesuatu. Secara umumnya, pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dan menguatkuasakan beberapa peraturan dan undang-undang sekolah yang bertujuan untuk menjadikan sistem pendidikan lebih teratur dengan kemenjadian murid (Noorazma et al. 2018). Matlamat utama dalam melaksanakan peraturan sekolah adalah untuk memimpin dan membimbing pelajar menjadi insan yang berintegriti serta seimbang dari segi jasmani, emosi, dan keteguhan rohani, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Noorazma et al. 2018).

Cabaran pendidikan di Malaysia pada masa ini adalah untuk mengatasi masalah disiplin pelajar di sekolah atau di institut pengajian tinggi (Muslihah et al. 2020). Hal demikian kerana masalah kes disiplin dalam kalangan pelajar semakin bertambah kerana terdapat banyak pengaruh dari luar sehinggalah menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat. Isu disiplin remaja kian memberi impak yang negatif kepada imej masyarakat dan negara. Masalah disiplin pelajar sering kali diperdebatkan oleh pelbagai pihak. Saban tahun peningkatan kes disiplin pelajar semakin hari semakin bertambah dan membimbangkan terutama pihak sekolah dan institusi pendidikan tinggi (Chin Pek Lian & Low Li Chueen 2005).

1.2 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TINGGI, PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL

Pendidikan Tinggi di Malaysia berada di landasan dalam mencapai matlamat bagi menghasilkan graduan yang kompetitif dalam pasaran global serta memerlukan pelajar dan siswazah yang mempunyai kemahiran pemikiran bebas, mampu menyelesaikan masalah, serta berpotensi memimpin negara ke arah kemajuan yang lebih baik (Norliza et al. 2017). Melalui Pendidikan Tinggi ini dapat menghasilkan warganegara yang berpelajaran serta dapat menyumbang kepada keharmonian sosial dan taraf hidup yang lebih baik. Walau bagaimanapun nilai dan etika sangat perlu dalam menjadi warganegara yang lebih baik serta berdisiplin (Norliza et al. 2017). Pengajian tinggi merupakan tahap pendidikan tertier yang diikuti selepas pendidikan di peringkat sekolah menengah dan rendah. Lazimnya, graduan universiti akan memasuki dunia pekerjaan, sama ada dalam sektor kerajaan, swasta, atau bekerja secara sendiri. Selain menyediakan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, dan pasca siswazah, institusi pengajian tinggi (IPT) turut berperanan penting dalam pembangunan sahsiah mahasiswa (Nazneen et al. 2019). Pendidikan tinggi merupakan satu fasa penting untuk membekalkan pelajar dari segi pengetahuan, kemahiran serta disiplin sebelum pelajar menempuh alam pekerjaan. Fasa ini merupakan fasa akhir pelajar sebelum bekerja.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti diyakini dapat melahirkan sumber manusia yang berkemampuan dan berfikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Individu ini juga bersedia menjadi k-Workers yang dapat membantu negara menghadapi cabaran global masa kini (Noradilah Abdul Wahab et al. 2019). Pendidikan masa kini merangkumi pelbagai usaha, termasuk memperlengkapkan individu dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, menangani isu disiplin dan gejala sosial, meningkatkan keberkesanan pengurusan institusi pendidikan, serta memenuhi harapan masyarakat dan lain-lain aspek berkaitan (Noradilah Abdul Wahab et al. 2019). Pelajar yang telah melalui pendidikan yang baik dan berkualiti mampu menjadi pekerja yang produktif di samping mempunyai disiplin dan komitmen yang tinggi dalam pekerjaan.

Pendidikan berperanan sebagai pemacu utama dan penunjuk aras dalam merangsang pertumbuhan ekonomi (Siti Mistima et al. 2018). Tidak dapat dinafikan peranan dan kepentingan pendidikan (Yanti et al. 2015) dalam membangunkan sesebuah negara. Misalnya, negara maju seperti Jerman, Jepun dan Korea telah menunjukkan kejayaan dengan mengamalkan sektor TVET, yang menekankan penguasaan kemahiran dan teknologi untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Sejar dengan itu, Malaysia turut mengambil langkah serupa dengan meningkatkan pelaburan dalam sektor pendidikan TVET, bertujuan melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan berdisiplin melalui pelaksanaan Dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPNM 2017), tahun 2015-2025. Bidang TVET kini merupakan bidang yang diberi perhatian oleh global memandangkan bidang ini merupakan satu elemen penting dalam pembangunan negara menuju status negara maju dan pelajar yang melalui latihan TVET perlu ada komitmen yang tinggi bagi menguasai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang masing-masing serta mempunyai disiplin bagi menjadikan mereka pekerja yang berkualiti.

Negara Malaysia telah mengorak langkah ke arah ekonomi yang berasaskan industri gelombang keempat atau 4.0 yang mana lebih menekankan kepada teknologi automasi sebagai indikator perangsang kepada pertumbuhan dalam ekonomi. Dalam konteks ini Malaysia memerlukan tenaga kerja berkemahiran yang memiliki latar belakang pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan semasa. Melalui fokus ekonomi utama seperti *National Key Economic Area* (NKEA), negara ini menyasarkan penciptaan 1.3 juta peluang pekerjaan dalam sektor yang bergantung kepada kemahiran TVET. Selain itu, menjelang tahun 2025, Malaysia menyasarkan peningkatan keperluan sumber tenaga manusia sebanyak 2.5 kali ganda, yang akan dihasilkan melalui pendidikan berteraskan TVET (Mohamad Zuber et al. 2018).

Matlamat penubuhan Kolej Vokasional adalah untuk memastikan 70 peratus graduan KV menjadi tenaga kerja mahir untuk memenuhi pasaran kerja, 20 peratus graduan dapat menyambung pelajaran ke peringkat ijazah serta 10 peratus adalah di sasarkan menjadi usahawan (Romy 2019). Kini, terdapat 87 Kolej Vokasional seluruh negara dengan menawarkan 36 program diploma serta 34 program sijil meliputi

pelbagai bidang (Garis Panduan Kod Diploma Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia 2018).

Kolej vokasional yang ditubuhkan tidak lari dari masalah disiplin oleh pelajarinya. Data di dalam Sistem salah laku Diri Murid menunjukkan peningkatan 10% kesalahan disiplin yang telah dilakukan dengan pelbagai jenis kesalahan pada tahun 2019 (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Melalui sorotan literatur terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada isu ini, antaranya ialah cara didikan ibu bapa, konflik dalam keluarga, kelemahan dalam pengurusan sekolah, kesan daripada teknologi maklumat yang canggih, pengaruh persekitaran pelajar, rakan sebaya, serta sifat dan sikap pensyarah (Noradilah et al. 2019). Melalui dapatan dari sumber literatur kebanyakan elemen yang boleh mempengaruhi disiplin adalah terdiri dari Sokongan sosial ibu bapa, sokongan sosial, rakan sebaya dan sokongan pensyarah.

Selain itu kebanyakan dapatan literatur menunjukkan faktor motivasi juga penting dalam membentuk disiplin pelajar. Motivasi merupakan satu perkara yang mendorong kepada melakukan sesuatu perbuatan serta mengarahkan perbuatan (Nur Fatimah & Faridah Mydin Kutty 2022), ini menunjukkan semua perbuatan adalah disebabkan oleh adanya motivasi yang akan mempengaruhi perbuatan pelajar-pelajar kolej vokasional ini, bermakna motivasi yang tinggi mengarahkan perbuatan yang baik atau perbuatan yang berdisiplin.

Selain motivasi kebanyakan dapatan literatur menunjukkan resilien juga mempengaruhi disiplin pelajar kolej vokasional ini. Resilien bermaksud satu proses di dalam diri seseorang pelajar yang berupaya untuk berjaya dalam mengadaptasi walaupun menghadapi keadaan yang menghalang atau mengancam (Wan Anita & Azizah Hamzah 2013; Azizah Sarkowi 2019). Situasi ini selalu berlaku di kolej vokasional yang mana kebanyakan pelajar tinggal di asrama seperti mana kita tahu pelbagai perkara negatif atau masalah disiplin boleh terjadi di asrama iaitu pengaruh dari rakan-rakan yang negatif, sebagai contoh masalah merokok jika pelajar yang tidak merokok berkawan dengan pelajar merokok di asrama secara tidak langsung pelajar tidak merokok akan terlibat. Namun jika pelajar terbabit mempunyai daya

tahan dalam diri yang kuat atau resilien yang tinggi, pelajar ini mampu menghalang diri dari terjebak dengan perkara tersebut.

Masalah disiplin memberi kesan kepada pelajar dan masyarakat, antara kesan yang dapat dilihat yang berpunca dari masalah disiplin ini, seperti ia seakan menghakis budi bahasa (Ryans Repai et al. 2021) di kalangan pelajar kolej vokasional ini, mereka lebih suka bercakap kasar sama ada dengan rakan atau pensyarah. Budaya bercakap kasar ini adalah kesan dari masalah disiplin yang tidak dibendung iaitu mereka merasakan tidak perlu menghormati orang lain. Tetapi orang lain perlu menghormati mereka. Selain itu juga masalah disiplin ini boleh mengakibatkan pelajar lelaki dan perempuan berpakaian yang menjolok mata bergaul bebas lelaki dan perempuan (Ryans Repai et al. 2021) situasi ini boleh menyebabkan berlaku keruntuhan moral atau berlakunya kes seperti pembuangan bayi dan seterusnya merosakkan generasi.

Kesan buruk masalah disiplin kepada pelajar vokasional juga ialah pelajar sukar untuk fokus pada pembelajaran di kolej vokasional kerana mereka hanyut dengan hidup mereka yang tidak mengamalkan disiplin contoh jika mereka melakukan jenayah seperti mencuri mereka akan asyik memikirkan kemahiran yang lebih baik untuk mencuri, sukar bagi mereka untuk cemerlang dalam pelajaran. Situasi begini menyebabkan mereka akan ketinggalan dan kemungkinan tidak dapat meneruskan pelajaran di kolej vokasional. Masalah disiplin juga memberi kesan buruk kepada pelajar lain serta kolej vokasional iaitu mengganggu keamanan atau ketenangan sesuatu tempat dengan sukar untuk mengawal kes – kes berat. Sebagai contoh akan berlaku kes seperti pergaduhan, tangkap basah di kalangan pelajar kolej vokasional, merosakkan harta benda kolej atau kes khas seperti mengandung anak luar nikah, membunuh, atau menghisap dadah.

Terdapat 12 item kesalahan di Kolej Vokasional direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM). Antara kesalahan yang direkodkan ialah item tingkah laku jenayah, dimana sub item bawah item ini seperti item kesalahan jenayah merangkumi iaitu masalah disiplin seperti jenayah seperti mengancam/memukul/mencederakan pensyarah atau murid, terlibat dalam pergaduhan dan mencuri (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, KPM 2019). Manakala item kedua di dalam SSDM ini pula ialah buli, dan sub item bagi buli ini ialah seperti buli fizikal, buli bahasa, buli

isyarat dan buli perhubungan. Item ketiga ialah Rokok sub item bagi rokok ialah memiliki dan menyimpan, menjual dan mengedar, membekal dan menawarkan serta menghisap rokok.

Item keempat pula merupakan masalah disiplin berkaitan ponteng kes ini merupakan kes yang tinggi direkodkan dari data SSDM iaitu sebanyak 53.20% (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia 2024). Kes ponteng terdiri daripada sub item iaitu kes ponteng ini merangkumi ketidakhadiran ke perhimpunan, aktiviti kokurikulum, asrama, kelas, ponteng acara rasmi sekolah dan ponteng sekolah. Item salah laku ke lima pula ialah tingkah laku lucah sub item pula merangkumi tingkah laku lucah seperti menggunakan kata/perbuatan lucah, berdua-duaan yang menimbulkan syak, memeluk pelajar lain jantina, melakar atau menulis kata-kata serta gambar berunsur lucah, bercumbuan dan berkhalwat. Item disiplin keenam pula ialah tingkah laku kurang sopan sub item pula merangkumi tingkah laku kurang sopan ini ialah seperti biadap kepada guru, biadap kepada kakitangan, bertutur dengan bahasa kesat atau kasar kepada murid, ingkar arahan guru, terlibat dalam aktiviti meminum, membeli, menyimpan, atau mengedar minuman beralkohol.

Bagi item disiplin ketujuh pula di dalam sistem SSDM ini ialah vandalisme dan sub item berkaitan vandalisme ialah melukis/mencemarkan pada dinding asrama dan merosakkan kemudahan sekolah, merosakkan kenderaan pengarah/pensyarah/ kakitangan dan merosakkan harta benda asrama. Item kelapan pula ialah berkaitan masalah disiplin tingkah laku tidak amanah sub item pula merangkumi berbohong, tidak bertanggungjawab, tidak jujur, dan pecah amanah. Item kesembilan yang direkod seterusnya ialah kenakalan dan sub item pula ialah seperti membawa/bermain mercun, menunggang motosikal dalam kawasan sekolah, mengganggu semasa pengajaran dan pembelajaran, melanggar peraturan asrama, membuat pengubahsuaian kepada sistem pendawaian elektrik atau meninggalkan kawasan sekolah/asrama tanpa kebenaran. Item disiplin yang kesepuluh pula ialah tidak pentingkan masa sub item pula ialah lewat masuk kelas, sekolah, perhimpunan, aktiviti luar kelas/kokurikulum dan masuk/balik asrama. Item disiplin yang kesebelas pula ialah berkaitan kekemasan diri sub item pula merangkumi berambut panjang, memakai pakaian tidak mengikut peraturan, mencukur bulu kening, memakai alat solek, rambut berfesyen mewarnakan kuku/berinai, pakai

barang kemas, bermisai/berjanggut dan bertatu. Kes akhir sekali ialah kes khas, merupakan kesalahan berat yang direkodkan sub item kes ini terdiri dari hamil, memiliki/menyimpan bahan berkaitan dadah/inhalan, penyalahgunaan racun, menghisap/menyuntik/ menyedut/ meminum /menghidu bahan berkaitan dadah/inhalan dan lari dari rumah (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional KPM 2024). Melalui data SSDM ini dapatlah dibuktikan terdapatnya masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar KV yang mana kesalahan disiplin ini merangkumi pelbagai kategori kesalahan disiplin. Selain itu dari terdapat kajian lepas berkaitan pelajar sekolah harian yang menunjukkan tahap disiplin pelajar berada pada tahap sederhana (Zainol Abidin Ishak & Mohammad Nasir Bistama 2017) kajian ini dilakukan di sekolah harian namun kajian berkaitan disiplin di kolej vokasional masih jarang di lakukan. Namun kajian ini hanya berfokuskan kepada 10 kategori kesalahan disiplin dalam SSDM iaitu tidak termasuk kes – kes khas dan penyalahgunaan dadah

1.3 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Sistem Sahsiah Diri murid (SSDM) merupakan pangkalan data yang telah dibuat oleh KPM bagi merekod disiplin pelajar untuk di analisis oleh pihak sekolah atau KV seterusnya tindakan intervensi akan di ambil oleh pihak sekolah atau Kolej Vokasional dalam membendung peningkatan Masalah disiplin (Nor Ilyana 2022). Berdasarkan data dari Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM) yang diperoleh daripada Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia dari tahun 2022 hingga 2024 telah menunjukkan peningkatan kes disiplin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. iaitu pada tahun 2022 jumlah pelajar kolej vokasional seluruh Malaysia seramai 50,038 orang, kes pelanggaran disiplin sepanjang tahun 2022 ialah sebanyak 2,235 iaitu sebanyak 4.47 peratus. Manakala bagi tahun 2023 jumlah pelajar pula seramai 51,422 orang dan jumlah kes disiplin yang dilakukan sepanjang tahun 2023 pula sebanyak 3,733 iaitu sebanyak 7.2 peratus. Bagi tahun 2024 pula jumlah pelajar ialah seramai 55,855 dan jumlah kes disiplin pula sebanyak 5,612 kes iaitu sebanyak 10.4 peratus. Pelajar vokasional terlibat dengan pelbagai jenis masalah disiplin mencakupi 12 konstruk atau aspek berdasarkan klasifikasi dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) iaitu salah laku jenayah, salah laku buli, merokok, ponteng, masalah disiplin seperti perbuatan lucah, tingkah laku tidak sopan atau biadap, perbuatan vandalisme, sikap tidak amanah,

kenakalan, masalah disiplin tidak pentingkan masa, kekemasan diri, dan kes khas seperti hamil di luar nikah, penyalahgunaan dadah dan lari dari rumah (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, KPM 2024). Jika dilihat dari data ini tahun 2024 kes meningkat dengan banyak iaitu kepada 10%, dan ini membimbangkan penjaga, pentadbir serta masyarakat, kes yang paling memberi kesan kepada peratusan ini merupakan kes ponteng merangkumi ketidakhadiran ke kelas, perhimpunan, aktiviti kokurikulum, kelas amali di bengkel, dan aktiviti lain di kolej vokasional. Masalah ponteng ni member kesan kepada penguasaan pembelajaran (Ryans Repai et al. 2021) di kolej iaitu pelajar yang ponteng tidak dapat menguasai kemahiran dan pembelajaran yang sepatutnya mereka kuasai sebelum keluar untuk bekerja.

Walaupun disiplin pelajar merupakan aspek penting dalam memastikan kelancaran proses pembelajaran dan pembangunan sahsiah, kajian-kajian terkini dari dalam dan luar negara mendapati kekurangan sokongan sosial merupakan antara salah satu punca berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar, khususnya di institusi pendidikan vokasional dan tinggi (Sofhi @ Subhi et al. 2023; McLean et al. 2023). Kajian di Malaysia menunjukkan pelajar yang kurang menerima sokongan sosial daripada ibu bapa, rakan sebaya, dan pensyarah lebih cenderung terlibat dengan pelanggaran disiplin seperti ponteng kelas dan salah laku lain (Sofhi @ Subhi et al. 2023). Penglibatan ibu bapa terbukti meningkatkan kehadiran, pencapaian akademik dan mengurangkan masalah disiplin pelajar (Msacky et al. 2024), manakala sokongan pensyarah dapat mengurangkan tingkah laku devian serta meningkatkan keterlibatan dan kesejahteraan emosi pelajar (Martinot et al. 2022). Dalam kalangan remaja, rakan sebaya menjadi sumber sokongan sosial utama yang mempengaruhi penglibatan sekolah dan pembentukan identiti, walaupun kadangkala boleh membawa kepada tingkah laku negatif jika pengaruh rakan sebaya tidak sihat (Sitepu et al. 2024). Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara spesifik tahap dan kesan sokongan sosial daripada ibu bapa, rakan sebaya dan pensyarah terhadap disiplin pelajar dalam konteks pendidikan semasa, terutamanya selepas pandemik dan dalam persekitaran pendidikan yang semakin mencabar (Sitepu et al. 2024). Oleh itu, kajian yang menumpukan kepada tahap sokongan sosial, hubungan dan sumbangan daripada ketiga-tiga sumber ini adalah amat penting untuk memahami mekanisme sebenar yang boleh membantu mengurangkan masalah disiplin pelajar dan

meningkatkan keberkesanan intervensi di sekolah serta institusi pendidikan vokasional. Kajian dari Irwan Fariza Sidik (2019) telah menunjukkan tahap sokongan sosial di sekolah harian masih berada di tahap sederhana, perlu adanya sokongan sosial bagi pelajar bagi membolehkan pelajar berjaya dalam akademik atau pun sahsiah namun kajian berkaitan tahap sokongan sosial di KV masih kurang dilakukan.

Selain sokongan sosial, dapatan dari sumber literatur berkaitan elemen motivasi juga dapat mempengaruhi disiplin pelajar. Kajian di Malaysia mendapati bahawa pelajar kolej vokasional Zon Selatan mempamerkan tahap sikap yang tinggi terhadap bidang pilihan mereka, dengan sikap tingkah laku menduduki tempat tertinggi, diikuti oleh sikap kognitif dan afektif, di mana sikap yang diamalkan pelajar mempengaruhi motivasi mereka secara signifikan, dengan motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar kolej vokasional didapati lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik (Nur Atiqah Yazid & Azita Ali 2025). Penyelidikan antarabangsa di Indonesia pula menunjukkan bahawa terdapat pengaruh positif dan signifikan antara kemudahan pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian pembelajaran pelajar vokasional, di mana analisis regresi linear berganda membuktikan bahawa kemudahan pembelajaran dan motivasi mempengaruhi pencapaian pembelajaran sebanyak 24% dengan baki dipengaruhi oleh faktor lain (Lumapow et al. 2024). Keadaan ini menjadi penting apabila kajian menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi pendidik di pelbagai peringkat pendidikan, terutamanya Pendidikan Vokasional, adalah penurunan tahap motivasi pembelajaran pelajar, di mana faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran pelajar adalah persekitaran keluarga, rakan sebaya, dan minat dalam pembelajaran (Mukti & Wijanarka 2024). Malah, kajian terkini mengenai penyebab pelajar tercicir dari program TVET mendapati bahawa sebab utama pelajar tercicir dari program TVET didominasi oleh tidak berminat (38%), diikuti dengan tawaran kerja (25%), masalah peribadi (16%), tawaran belajar (14%), dan isu kesihatan (7%), yang menunjukkan bahawa sistem TVET semasa secara progresif kehilangan relevan dan tidak memenuhi jangkaan belia masa kini (Mohd Rodzi et al. 2024). Justeru, tanpa kajian yang mendalam dan berterusan mengenai tahap motivasi, hubungan, pengaruh dan kaitannya dengan tahap disiplin pelajar kolej vokasional, sistem pendidikan TVET berisiko melahirkan graduan yang tidak bermotivasi, kurang disiplin, tidak bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan, dan tidak mampu mencapai

sasaran kerajaan untuk melahirkan 10 peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan, sekaligus mengancam daya saing negara dalam menghasilkan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk memenuhi keperluan Industri 4.0 dan ekonomi berasaskan pengetahuan (Manap et al. 2024). Dapatan dari Nadira Halim et al. (2024) juga menunjukkan tahap motivasi pelajar sekolah harian juga berada pada tahap sederhana bagaimana pula tahap motivasi di KV ini kerana kurang diberi perhatian sewajarnya kajian berkaitan tahap motivasi di KV.

Selain daripada faktor motivasi, dapatan dari sumber literatur juga menunjukkan aspek resilien juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi disiplin pelajar. Dalam era transformasi pendidikan teknikal dan vokasional yang semakin mencabar, terutamanya selepas revolusi digital dan perubahan keperluan industri, kajian mendalam mengenai tahap, hubungan dan pengaruh resilien terhadap tahap disiplin pelajar kolej vokasional telah menjadi satu keperluan penting yang tidak boleh diabaikan lagi dalam memastikan keberkesanan sistem TVET Malaysia dan kelangsungan graduan dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang tidak menentu (Zhang et al. 2024). Pelbagai penyelidikan terkini dari dalam dan luar negara dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa resilien dan disiplin pelajar kolej vokasional bukan sahaja saling berkait rapat, malah membentuk asas kepada kejayaan akademik, kesiapan kerja, ketahanan psikologi, dan keupayaan adaptasi dalam menghadapi tekanan serta cabaran yang kompleks (Y. Su & Hou 2024). Kajian di China melibatkan 1,379 pelajar kolej vokasional mendapati bahawa resilien mempunyai kesan mediasi yang signifikan antara sokongan sosial dan prokrastinasi, dengan kesan tidak langsung sebesar -0.047 (95% CI: $-0.072, -0.025$), membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai tahap resilien tinggi lebih mampu mengawal tingkah laku dan mengelakkan kelewatan dalam tugas akademik, yang secara langsung berkaitan dengan disiplin sendiri (Zhang et al. 2024). Penyelidikan antarabangsa turut menunjukkan bahawa resilien psikologi pelajar kolej vokasional mempunyai korelasi positif dengan pengaturan semula kognitif dan korelasi negatif dengan penindasan ekspresi, menunjukkan bahawa pelajar yang resilien lebih cenderung menggunakan strategi kawalan emosi yang sihat dan berdisiplin dalam menangani tekanan akademik (Zilin Mei & Changjun Liao 2024). Kajian lanjut mengenai 940 pelajar vokasional mendapati bahawa efikasi sendiri mempunyai kesan

langsung terhadap resilien dan juga mempengaruhi resilien secara tidak langsung melalui kecerdasan emosi, dengan resilien psikologi memainkan peranan mediasi dalam pengaruh efikasi sendiri terhadap kebolehsuaian sosial (X. Su & Weng 2024). Kajian longitudinal empat minggu melibatkan 74 pelajar kolej menunjukkan bahawa tingkah laku pengawal seliaan diri memediasi hubungan positif antara resilien mingguan dan prestasi akademik mingguan pelajar kolej, dengan kesan tidak langsung positif ini menjadi lebih kuat bagi mereka yang mempunyai tahap kekuatan mental dan sokongan sosial yang lebih tinggi (Li et al. 2024). Di Malaysia, kajian mengenai pelajar kolej vokasional menunjukkan bahawa motivasi pengajaran lebih berpengaruh kepada pelajar daripada motivasi ekstrinsik dan tahap penerimaan pelajar dalam pembelajaran adalah tinggi, menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti resilien memainkan peranan penting dalam pembentukan disiplin pembelajaran (Hashim 2019). Justeru, tanpa kajian yang mendalam dan berterusan mengenai tahap, hubungan dan pengaruh resilien terhadap tahap disiplin pelajar kolej vokasional, sistem pendidikan TVET berisiko melahirkan graduan yang tidak mampu menangani tekanan, kurang berdaya tahan dalam menghadapi kegagalan, tidak berdisiplin dalam menguruskan tanggungjawab, dan tidak bersedia untuk menghadapi realiti dunia pekerjaan yang penuh dengan ketidakpastian dan cabaran, sekaligus mengancam matlamat kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang resilien dan berdisiplin tinggi bagi memenuhi keperluan Industri 4.0 dan ekonomi masa depan yang memerlukan keupayaan adaptasi yang tinggi serta ketahanan mental yang kukuh (Imran et al. 2024). Kajian dari Aminah Ayob et al.(2022) menunjukkan tahap resilien pelajar di Malaysia berada pada tahap rendah, adakah tahap resilien ini sama di KV yang mana kajian tahap resilien di KV kurang diberi perhatian sewajarnya.

Kajian ini turut meneliti faktor demografi seperti jantina, yang sering dikaitkan dengan peningkatan masalah disiplin. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa tingkah laku kesalahan disiplin secara relatifnya lebih kerap dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan (Abd Majid et al. 2023). Sebagai contoh, pada 2016, terdapat 3,426 kes jenayah yang dilakukan oleh remaja lelaki, berbanding 225 kes jenayah dari remaja perempuan berumur 16-17 tahun (Norsahida Sakira et al. 2021). Berdasarkan tinjauan literatur, pelajar lelaki dilihat lebih kerap terlibat dalam masalah disiplin. Persoalannya, adakah dapatan ini konsisten dengan situasi di KV?

bagi menjawab persoalan ini perlunya satu kajian untuk melihat perbezaan tahap disiplin pelajar lelaki dan perempuan, perbezaan sokongan sosial pelajar lelaki dan perempuan, perbezaan motivasi pelajar lelaki dan perempuan dan perbezaan resiliensi pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan dari data ini membolehkan pihak yang berkepentingan dalam menguruskan KV dapat menjadikan data ini sebagai rujukan sebelum merancang sesuatu berkaitan disiplin supaya apa sahaja perancangan berkaitan disiplin dapat memberi impak yang sepatutnya bagi mengawal masalah disiplin ini. Sebagai contoh jika pelajar lelaki banyak melakukan kesalahan disiplin maka lebih banyak program atau aktiviti di tumpukan kepada pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan supaya kes disiplin dapat di turunkan dan program tersebut perlu sesuai dengan jantina mereka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan garis panduan yang komprehensif berkaitan pengurusan disiplin di sekolah melalui pelbagai pekeliling dan arahan. Antaranya ialah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959, yang menjadi asas utama dalam pengurusan disiplin pelajar. Selain itu, beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) turut dikeluarkan seperti SPI Bil. 8/1983 yang memberikan panduan mengenai hukuman terhadap salah laku yang tidak dinyatakan dalam peraturan pelajaran, serta SPI Bil. 7/1995 yang menjelaskan tatacara tindakan dan hukuman terhadap pelajar. SPI Bil. 8/2001 dan SPI Bil. 10/2001 pula menekankan pemantapan pengurusan disiplin dan penglibatan semua guru sebagai guru disiplin. Tambahan pula, SPI Bil. 7/2003 memperuntukkan kuasa kepada guru untuk merotan murid, manakala SPI Bil. 7/2011 memperkenalkan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 untuk pelaporan dan tindakan menangani isu disiplin. Pelaksanaan pekeliling ini menunjukkan komitmen KPM dalam memastikan disiplin di sekolah dapat dikawal dengan baik, sekali gus membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif. KPM telah mengeluarkan berbagai-bagai arahan dan pekeliling kepada Institusi dan sekolah di bawah selianya namun kes disiplin saban tahun masih ada seperti yang direkod dalam sistem Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM).

Terdapat berbagai-bagai kajian terdahulu berkaitan disiplin antaranya seperti kajian faktor masalah sosial oleh Nor Hashimah et al. (2022). Kajian ini melihat faktor

– faktor penyebab terjadinya masalah sosial iaitu seperti faktor diri sendiri, pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya seperti disebabkan pelajar ini suka aktiviti di luar rumah atau suka berada di luar berbanding di dalam rumah. Manakala faktor ibu bapa pula adalah berkaitan masalah penceraian, kurang komunikasi dengan anak, sibuk bekerja, konflik di rumah merupakan faktor yang meningkatkan masalah sosial ini. Kajian ini tidak membincangkan faktor guru atau pensyarah yang mana pelajar lebih lama berada di sekolah atau kolej dari di rumah. Kajian disiplin seterusnya bertajuk ‘Buli Siber Mempengaruhi Tahap Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor’ (Kamsiah Mohamed et al. 2024). Kajian berkaitan disiplin telah meneliti pelbagai faktor, termasuk hubungan antara tingkatan pelajar, pencapaian akademik dan salah laku. Hasil kajian mendapati bahawa pencapaian akademik pelajar mempunyai hubungan signifikan dengan tahap salah laku disiplin dan penyalahgunaan media sosial. Namun, kekurangan kajian ini ialah tumpuannya terhadap pengaruh media sosial sahaja, selain hanya melibatkan pelajar di Sekolah Menengah harian biasa di negeri Selangor dan tidak merangkumi pelajar Kolej Vokasional. Kajian lain yang berkaitan ialah Noor Suhaily Musleh et al. (2023) bertajuk “*Hubungan Antara Gaya Asuh Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Delinkuen Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1, Johor*”. Kajian ini menyasarkan pelajar tingkatan 4 dan 5 bagi mengetahui hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja. Hasilnya mendapati wujud hubungan korelasi yang rendah antara gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku delinkuen tanpa perbezaan yang ketara berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa. Kelemahan kajian ini adalah memeriksa hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen sahaja tanpa mengambil kira faktor lain yang mungkin melibatkan tingkah laku pelajar. Kajian ini tidak melihat persekitaran lain seperti rakan dan guru dan kajian ini tidak dibuat di KV. Kajian lain yang turut mengkaji isu disiplin berjudul “*Keberkesanan Penglibatan Pelajar Dalam Kor SUKISIS untuk Menangani Tingkah Laku Devian di Universiti Kebangsaan Malaysia*” (Nurul Syafiqah et al. 2023) menemukan organisasi SUKISIS mempunyai keberkesanan melalui penglibatan pelajar sebagai mekanisme kawalan sosial. Kesimpulan yang diperoleh ialah pelajar yang sama-sama merasai aktiviti unit beruniform seperti SUKISIS mempunyai disiplin yang cukup tinggi, taat pada undang-undang serta mementingkan nilai akhlak. Justeru, model dapatan ini meletakkan

aktiviti berstruktur adalah sangat penting untuk membentuk sikap dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga di lakukan di UKM.

Kesimpulan dari kajian lepas ini menunjukkan kurang kajian berkaitan sokongan sosial, motivasi dan resilien terhadap disiplin terutama di KV. Kajian di KV juga agak kurang memandangkan penubuhan KV masih baru iaitu pada tahun 2012. Banyak kajian yang perlu di lakukan di KV supaya KV dapat menghasilkan graduan seperti yang dikehendaki. Kajian ini bertujuan untuk memberi sumbangan berkaitan aspek sokongan sosial, motivasi, resilien terhadap disiplin pelajar diploma KV yang mana kajian ini di lakukan di KV negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.4 KERANGKA TEORI KAJIAN

Kajian ini berdasarkan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979), Teori motivasi iaitu *Self-Determination Theory* (SDT) yang telah diperkenalkan oleh Ryan dan Deci pada tahun 2000 (Mohd Adnan 2018), Model Daya Tahan Kumpfer (1999) dan Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) oleh KPM.

Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979) menjelaskan bagaimana perkembangan dan tingkah laku individu dipengaruhi oleh interaksi dalam pelbagai sistem persekitaran. Dalam konteks kajian ini, teori ini menghubungkan secara konkrit bagaimana sokongan sosial mempengaruhi disiplin pelajar Kolej Vokasional melalui lima sistem yang saling berkaitan.

Lapisan mikrosistem, iaitu sistem yang paling dekat dengan pelajar, diterjemahkan dalam kajian ini melalui tiga sumber sokongan sosial utama: sokongan ibu bapa, rakan sebaya, dan pensyarah. Sokongan ibu bapa melibatkan komunikasi, pengawasan dan sokongan emosi walaupun pelajar tinggal di asrama. Peranan unik ibu bapa dalam konteks pelajar Kolej Vokasional adalah penyediaan sokongan jarak jauh yang berterusan, termasuk kunjungan, panggilan telefon, dan komunikasi digital yang membantu pelajar mengekalkan disiplin walaupun jauh dari rumah.

Sokongan rakan sebaya di Kolej Vokasional mempunyai kepentingan tersendiri kerana pelajar majoritinya tinggal di asrama, menjadikan rakan sebaya sebagai "keluarga kedua". Rakan sebaya dalam konteks Kolej Vokasional boleh mempengaruhi disiplin melalui teladan, galakan untuk mematuhi peraturan kolej, dan sokongan emosi semasa cabaran pembelajaran vokasional yang intensif. Keunikan sokongan rakan sebaya di Kolej Vokasional adalah perkongsian pengalaman dalam pembelajaran berasaskan kemahiran dan penyesuaian kehidupan asrama. Sokongan pensyarah pula diterjemahkan melalui peranan mereka bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi juga sebagai pembimbing dan penasihat yang mempengaruhi disiplin pelajar secara langsung. Di Kolej Vokasional, pensyarah mempunyai peranan unik kerana mereka terlibat dengan pelajar dalam pembelajaran teori dan praktikal, menyediakan bimbingan teknikal dan pembentukan sikap profesional yang berkaitan langsung dengan disiplin kerja yang diperlukan dalam industri. Sistem meso terwujud melalui interaksi antara ketiga-tiga sumber sokongan ini, contohnya komunikasi antara pensyarah dan ibu bapa mengenai kemajuan dan tingkah laku pelajar. Penelitian kajian ini terhadap sistem meso menunjukkan bagaimana koordinasi antara ketiga-tiga sumber sokongan sosial boleh mengukuhkan atau melemahkan disiplin pelajar. Sebagai contoh, kerjasama erat antara pensyarah dan ibu bapa dalam memantau perkembangan pelajar di Kolej Vokasional boleh meningkatkan kepatuhan pelajar terhadap peraturan disiplin.


Kajian ini juga menggunakan teori motivasi iaitu teori penentuan – sendiri (*self-determination theory*, SDT) yang telah diperkenal oleh Ryan dan Deci (2000). Mengikut teori ini, untuk melakukan sesuatu perkara, seseorang itu sebenarnya memerlukan motivasi untuk dia melakukan perkara tersebut. Motivasi ini pula terdiri daripada dua jenis iaitu motivasi dalaman (*intrinsic motivation*) dan motivasi luaran (*extrinsic motivation*). Motivasi dalaman ialah motivasi yang di dorong oleh rasa kepuasan untuk diri sendiri apabila hendak melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan. Sebaliknya, apabila individu itu melakukan sesuatu pekerjaan atau sesuatu perkara, tetapi didorong untuk mendapatkan sesuatu ganjaran, maka individu itu dikatakan mempunyai motivasi luaran. Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan pembentukan disiplin seseorang, kedua – dua motivasi ini memainkan peranan penting (Ryan & Deci 2000). Motivasi intrinsik dalam konteks Kolej

Vokasional merujuk kepada dorongan dalaman pelajar untuk mematuhi peraturan dan mengekalkan disiplin kerana nilai dan kepuasan peribadi. Di Kolej Vokasional, ini boleh dilihat apabila pelajar mematuhi peraturan keselamatan bengkel bukan kerana takut dihukum, tetapi kerana memahami kepentingannya untuk perkembangan profesional mereka dalam bidang teknikal. Motivasi intrinsik ini berkait rapat dengan autonomi dalam SDT, iaitu pelajar merasa mereka mempunyai kawalan dan pemilikan terhadap tingkah laku mereka. Aspek kompetensi dalam SDT diterjemahkan dalam konteks Kolej Vokasional melalui keyakinan pelajar terhadap kemahiran teknikal mereka. Kajian ini menekankan bahawa pelajar yang berasa kompeten dalam kemahiran vokasional mereka lebih cenderung untuk mengekalkan disiplin yang diperlukan untuk pembelajaran berterusan. Sebagai contoh, pelajar yang mahir dalam kerja bengkel lebih bermotivasi untuk hadir tepat pada waktu dan mengikuti arahan keselamatan kerana mereka melihat hubungan langsung antara disiplin dan pencapaian kemahiran.

Kajian ini menggunakan Model Daya Tahan Kumpfer (1999) iaitu satu model daya tahan atau resilien yang menjelaskan interaksi antara faktor persekitaran dengan faktor dalaman sebagai peramal daya tahan seseorang. Faktor persekitaran adalah merujuk kepada keseimbangan faktor risiko dan faktor pelindung pula merangkumi persekitaran pelajar berkenaan yang terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya dan pensyarah. Domain persekitaran ini akan bertindak sama ada sebagai faktor risiko atau faktor pelindung dalam untuk meramal daya tahan pelajar. Manakala faktor dalaman pula adalah merujuk kepada dimensi kognitif, emosi, spiritual (Rohani), fizikal dan sosial (Salmi Osman et al. 2015). Daripada model daya tahan ini dapat dilihat faktor risiko dan faktor pelindung kepada pelajar iaitu merangkumi faktor persekitaran yang terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya dan pensyarah dan faktor dalaman iaitu terdiri dari sumber dalam diri pelajar ini dalam menilai resilien pelajar. Bagi mengukur tahap resilien pelajar ini pengkaji telah menadaptasi instrumen yang dikemukakan oleh Baltaci dan Karatas (2015) dengan merujuk kepada karyanya yang bertajuk *The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA*. Berdasarkan penulisan tersebut, resilien ini mempunyai tiga pembahagian utama atau aspek penting iaitu resilien kepada diri, resilien keluarga dan Resilien kepada sekolah. Melalui karya ini telah dibentuk satu instrumen berkaitan resilien untuk diukur kepada seseorang individu

berdasarkan tiga pembahagian utama. Resilien Diri diterjemahkan dalam konteks pelajar Kolej Vokasional sebagai keupayaan mereka untuk mengatasi cabaran pembelajaran teknikal yang intensif, tekanan persekitaran asrama, dan penolakan pengaruh negatif rakan sebaya. Dalam konteks vokasional, resilien diri ini termasuk keupayaan untuk bangkit daripada kegagalan dalam projek praktikal, menangani keletihan akibat jadual pembelajaran yang padat, dan mengekalkan motivasi walaupun menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran teknikal. Pelajar dengan resilien diri yang tinggi lebih berupaya menolak ajakan untuk melanggar peraturan disiplin seperti ponteng kelas atau merokok contohnya. Resilien Keluarga dalam konteks Kolej Vokasional diterjemahkan sebagai kekuatan sistem sokongan keluarga walaupun pelajar tinggal di asrama. Ini termasuk komunikasi berkesan antara pelajar dan keluarga, nilai dan norma keluarga yang diterapkan sebagai pelindung dari pengaruh negatif, dan sokongan emosi berterusan daripada keluarga. Aspek unik resilien keluarga dalam konteks Kolej Vokasional adalah bagaimana nilai keluarga berkaitan etika kerja dan disiplin mempengaruhi tingkah laku pelajar dalam pembelajaran vokasional. Resilien Kolej diterjemahkan sebagai ciri-ciri persekitaran Kolej Vokasional yang menyokong perkembangan daya tahan, termasuk program intervensi, hubungan dengan pensyarah, dan budaya kolej yang menggalakkan disiplin dan tanggungjawab. Dalam konteks vokasional, ini termasuk sistem mentor-mentee dalam program kemahiran, latihan keselamatan yang ketat, dan kerjasama dalam projek praktikal yang memupuk semangat kerja berpasukan.

Kajian ini juga menggunakan dapatan data dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengukur peningkatan kes disiplin di dalam sekolah atau KV. Terdapat 12 item di dalam SSDM dalam menentukan jenis disiplin yang di lakukan oleh pelajar sekolah mahupun KV namun hanya 10 kategori sahaja yang dibolehkan dibuat penilaian dalam kajian ini. Jenis disiplin ini di adaptasi dalam kajian ini bagi membolehkan pengkaji mengukur kekerapan pelanggaran setiap jenis disiplin oleh pelajar KV.



Rajah 1.1 Kerangka teori kajian

1.5 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konsep kajian ini dibangunkan berasaskan gabungan beberapa teori dan konsep utama yang terdiri daripada Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979), Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*) oleh Ryan dan Deci (2000), Teori dan Konsep Resilien oleh Baltaci dan Karatas (2015), dan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap teori dan konsep ini memberikan asas yang kukuh dalam memahami hubungan antara pemboleh ubah kajian dan memberikan justifikasi teoretikal yang jelas untuk kajian ini (Azizah Sarkowi 2019). Gabungan teori-teori ini membolehkan kajian melihat secara holistik bagaimana interaksi faktor-faktor ini mempengaruhi disiplin pelajar.

Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979) merupakan teori utama yang menjadi asas kepada pembentukan konstruk sokongan sosial dalam kajian ini. Teori

ini digunakan bagi mengklasifikasikan ekosistem yang menghubungkan individu dan persekitaran melalui lima sistem ekologi iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem (Zainiah & Nur Asiah 2012). Dalam konteks kajian ini, teori ini melihat bagaimana persekitaran terdekat seperti ibu bapa, rakan sebaya dan pensyarah (mikrosistem) memberikan sokongan sosial yang membentuk tingkah laku disiplin pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh Bronfenbrenner, mikrosistem ini merupakan persekitaran terdekat yang memberi pengaruh langsung kepada perkembangan individu, ini termasuk interaksi dengan ibu bapa di rumah serta interaksi dengan pensyarah dan rakan sebaya di kolej (Siti Raba'ah et al. 2013). Pelajar kolej vokasional yang majoritinya tinggal di asrama akan lebih banyak berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sebaya berbanding ibu bapa, menjadikan sokongan sosial daripada ketiga-tiga pihak ini sangat penting untuk dikaji. Melalui teori ini, sokongan sosial dikategorikan kepada tiga konstruk utama iaitu sokongan ibu bapa, sokongan rakan sebaya dan sokongan pensyarah. Teori ini menjelaskan bahawa sokongan sosial merupakan elemen penting dalam persekitaran pelajar yang mempengaruhi disiplin mereka. Sasha dan Noremy (2022), terdapat tiga jenis sokongan sosial iaitu sokongan emosi, sokongan instrumental dan sokongan penilaian. Sokongan emosi melibatkan empati, perhatian, dan kasih sayang, manakala sokongan instrumental pula merangkumi bantuan kewangan, barangan, dan nasihat. Sokongan penilaian pula melibatkan maklum balas dan penilaian. Kesemua jenis sokongan ini dapat memberi pengaruh terhadap disiplin pelajar Kolej Vokasional.

Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) yang diperkenalkan oleh Ryan dan Deci (2000) teori ini digunakan untuk menerangkan konstruk motivasi dalam kajian ini. Teori ini menjelaskan bahawa untuk melakukan sesuatu perkara, seseorang memerlukan motivasi yang terdiri daripada dua jenis iaitu motivasi dalaman (*intrinsic motivation*) dan motivasi luaran (*extrinsic motivation*) (Mohd Adnan 2018). Kedua-dua jenis motivasi ini memainkan peranan penting dalam pembentukan disiplin pelajar. Motivasi dalaman merujuk kepada dorongan yang berasaskan kepuasan diri ketika melakukan sesuatu aktiviti, manakala motivasi luaran pula didorong oleh faktor-faktor dari luar seperti ganjaran atau pengiktirafan. Dalam konteks kajian ini, motivasi dalaman melibatkan keinginan pelajar untuk berdisiplin kerana kesedaran dan keinginan dalam diri sendiri, manakala motivasi luaran pula


melibatkan pengaruh luar seperti penghargaan, ganjaran atau tekanan dari pihak pensyarah, ibu bapa atau rakan sebaya. Wan Naliza dan Siti Mistima (2020) menjelaskan, motivasi dalaman lebih istimewa kerana ia datang daripada keinginan individu itu sendiri. Motivasi ini berfungsi sebagai dorongan dalaman yang dapat menggerakkan, membimbing, dan mengekalkan tingkah laku secara berterusan, menjadikannya elemen penting dalam pembentukan disiplin pelajar (Aisyah Sjahrony et al. 2017). Dalam kajian ini, teori SDT digunakan untuk memahami bagaimana motivasi dalaman dan luaran pelajar mempengaruhi disiplin mereka di Kolej Vokasional.

Dalam konteks kajian ini, teori dan konsep resilien adalah berdasarkan Model Daya Tahan Kumpfer (1999) teori ini digunakan dalam kajian ini pula menjelaskan interaksi antara faktor persekitaran dengan faktor dalaman sebagai peramal daya tahan seseorang. Faktor persekitaran merujuk kepada keseimbangan antara faktor risiko dan faktor pelindung yang terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya dan pensyarah, manakala faktor dalaman pula merujuk kepada dimensi kognitif, emosi, spiritual, fizikal dan sosial (Salmi Osman et al. 2015). Pelajar dengan tahap resilien yang rendah cenderung untuk mengulangi tingkah laku bermasalah, sama ada di rumah ataupun di sekolah (Endang Sri Fatimah 2015). Konstruk resilien dalam kajian ini didasarkan pada teori dan konsep yang diperkenalkan oleh Baltaci dan Karatas (2015) melalui *The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA*. Resilien merujuk kepada keupayaan seseorang untuk berjaya menyesuaikan diri walaupun berdepan dengan situasi yang mencabar atau mengancam (Azizah Sarkowi 2019). Dalam kajian ini, resilien dilihat sebagai daya tahan dalaman yang membolehkan pelajar mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh faktor-faktor negatif yang boleh menyebabkan masalah disiplin. Baltaci dan Karatas (2015), menyatakan bahawa resilien boleh dikategorikan kepada tiga komponen utama iaitu resilien diri, resilien keluarga, dan resilien kolej.

Konsep dan pengelasan masalah disiplin atau kenakalan di Kolej Vokasional adalah berdasarkan rekod dalam sistem maklumat Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) Kolej Vokasional. Terdapat 12 item kesalahan yang diklasifikasikan dalam rekod Sistem Sahsiah Diri Murid atau SSDM sistem ini yang diguna seluruh Malaysia. Pertama adalah tingkah laku jenayah yang mencakupi mengancam/ memukul/

mencederakan pensyarah atau murid, bergaduh dan mencuri. Kedua, ialah buli yang mencakupi tingkah laku seperti buli fizikal, buli bahasa, buli isyarat dan buli perhubungan. Ketiga, ialah rokok yang mencakupi tingkah laku memiliki dan menyimpan, menjual dan mengedar, membekal dan menawarkan serta menghisap rokok. Keempat, ialah ponteng kes yang mencakupi tingkah laku ponteng perhimpunan, ponteng aktiviti kokurikulum, ponteng asrama, kelas, acara rasmi sekolah dan sekolah. Kelima, ialah tingkah laku lucu yang mencakupi tingkah laku menggunakan kata/perbuatan lucu, berdua-duaan yang menimbulkan syak, memeluk pelajar lain jantina, melukis dan menulis kata-kata dan gambar lucu, bercumbuan dan berkhawat. Keenam, ialah tingkah laku kurang sopan yang mencakupi tingkah laku seperti biadap kepada guru, biadap kepada kakitangan, berbahasa kesat/kasar kepada murid, ingkar arahan guru, meminum/membeli /menyimpan/mengedar minuman yang memabukkan. Ketujuh, ialah vandalisme yang mencakupi tingkah laku seperti menconteng dinding bangunan asrama, merosakkan harta benda sekolah, merosakkan kenderaan pengarah/pensyarah/ kakitangan dan merosakkan harta benda asrama. Kelapan, ialah tingkah laku tidak amanah yang mencakupi tingkah laku berbohong, tidak bertanggungjawab, tidak jujur, dan pecah amanah. Kesembilan, ialah kenakalan yang mencakupi tingkah laku seperti membawa/bermain mercun, menunggang motosikal dalam kawasan sekolah, mengganggu semasa pengajaran dan pembelajaran, melanggar peraturan asrama, mengubahsuai pendawaian elektrik, keluar kawasan sekolah/asrama tanpa kebenaran. Kesepuluh, ialah tidak pentingkan masa yang mencakupi tingkah laku lewat masuk kelas, lewat ke sekolah, lewat ke perhimpunan, lewat datang aktiviti luar kelas/kokurikulum dan lewat masuk/balik asrama. Kesebelas, ialah berkaitan kekemasan diri yang mencakupi tingkah laku berambut panjang, memakai pakaian tidak mengikut peraturan, mencukur bulu kening, memakai alat solek, rambut berfesyen mewarnakan kuku/berinai, pakai barang kemas, bermisai/berjanggut dan bertatoo. Kedua belas ialah, kes khas, merupakan kesalahan berat yang mencakupi kes hamil, memiliki/menyimpan bahan berkaitan dadah/inhalan, penyalahgunaan racun, menghisap/menyuntik/ menyedut/ meminum /menghidu bahan berkaitan dadah dan lari dari rumah (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik & Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Namun dalam kajian ini hanya melihat terhadap 10 kategori kesalahan disiplin yang akan di kaji iaitu selain kes khas dan tingkah laku lucu.

Faktor demografi juga turut dikaji bagi melihat perkaitan dan sumbangannya terhadap sokongan sosial, motivasi, resilien dan disiplin pelajar. Tujuan maklumat ini di kumpul untuk melihat perkaitan antara faktor demografi jantina dengan sokongan sosial, motivasi, resilien dan masalah disiplin pelajar Kolej Vokasional. Kajian oleh Abd Majid et al. (2023) mendapati bahawa tingkah laku kesalahan disiplin secara relatifnya lebih kerap dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Dapatan ini disokong oleh kajian Norsahida Sakira et al. (2021) yang menunjukkan bahawa pada tahun 2016, terdapat 3,426 kes jenayah yang dilakukan oleh remaja lelaki, berbanding 225 kes jenayah dari remaja perempuan berumur 16-17 tahun. Ini menunjukkan kepentingan faktor jantina dalam kajian berkaitan disiplin pelajar.



Rajah 1.2 Kerangka konseptual kajian

1.6 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap pengaruh sokongan sosial, motivasi, resilien, dan disiplin pelajar Program Diploma Kolej Vokasional. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai perbezaan tahap sokongan sosial, motivasi, resilien, dan disiplin berdasarkan faktor demografi jantina pelajar. Seterusnya, kajian ini mengkaji hubungan antara sokongan sosial, motivasi, dan resilien terhadap disiplin pelajar dan kajian ini untuk melihat sumbangan aspek sokongan sosial, motivasi dan resilien terhadap disiplin pelajar KV. Lokasi kajian terletak di zon tengah iaitu negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.7 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Mengenalpasti tahap sokongan sosial pelajar yang mencakupi aspek sokongan Ibu bapa, Rakan sebaya, pensyarah Kolej Vokasional dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.
2. Mengenalpasti tahap motivasi yang mencakupi motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.
3. Mengenalpasti tahap resilien dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.
4. Mengenalpasti tahap disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.
5. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan tahap sokongan sosial, motivasi, resilien dan disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi pelajar jantina.
6. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara sokongan sosial, motivasi, dan resilien terhadap disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.
7. Mengenalpasti samada terdapat pengaruh atau sumbangan aspek sokongan sosial, motivasi dan resilien terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional.

1.8 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

Objektif 1:

PK1: Apakah tahap sokongan sosial pelajar yang mencakupi aspek sokongan ibu bapa, rakan sebaya, dan pensyarah dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

Objektif 2:

PK2: Apakah tahap motivasi yang mencakupi motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

Objektif 3:

PK3: Apakah tahap resilien dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

Objektif 4:

PK4: Apakah tahap disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

Objektif 5:

PK5: Adakah terdapat perbezaan sokongan sosial pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina?

PK6: Adakah terdapat perbezaan motivasi pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina?

PK7: Adakah terdapat perbezaan resilien pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina?

PK8: Adakah terdapat perbezaan disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina?

Objektif 6:

PK9: Adakah terdapat hubungan antara sokongan sosial dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

PK10: Adakah terdapat hubungan antara motivasi dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

PK11: Adakah terdapat hubungan antara resilien dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional?

Objektif 7:

PK12: Adakah terdapat pengaruh sokongan sosial terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional?

PK 13: Adakah terdapat pengaruh aspek motivasi terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional?

PK 14 : Adakah terdapat pengaruh aspek resilien terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional?

1.9 HIPOTESIS

Hipotesis kajian dibangunkan berdasarkan objektif kajian kelima dan keenam seperti berikut:

Objektif 5:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan signifikan sokongan sosial pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan signifikan motivasi pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan signifikan resilien pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan signifikan disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina.

Objektif 6:

Ho5: Tidak terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.

Ho6: Tidak terdapat hubungan signifikan antara motivasi dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.

Ho7: Tidak terdapat hubungan signifikan antara resilien dan disiplin dalam kalangan pelajar diploma Kolej Vokasional.

Objektif 7:

Ho8: Tidak terdapat pengaruh signifikan aspek sokongan sosial terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional.

Ho9: Tidak terdapat pengaruh signifikan aspek motivasi terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional.

Ho10: Tidak terdapat pengaruh signifikan aspek resilien terhadap disiplin pelajar diploma Kolej Vokasional.

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sokongan sosial, motivasi, resilien dan tahap disiplin dalam kalangan pelajar Program Diploma Kolej Vokasional di zon tengah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti samada terdapat perbezaan sokongan sosial, motivasi, resilien dan disiplin dalam kalangan pelajar Program Diploma Kolej Vokasional berdasarkan faktor demografi jantina, kajian ini juga untuk mengenal pasti hubungan sokongan sosial, motivasi, resilien dan disiplin serta mengenal pasti aspek pengaruh atau sumbangan sokongan sosial, motivasi, resilien terhadap disiplin pelajar Program Diploma Kolej Vokasional. Justeru, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan atau bermakna dari segi amalan, organisasi, polisi dan juga teoretikal dalam meningkatkan disiplin dalam kalangan pelajar Diploma di Kolej Vokasional. Selain itu kajian ini diharapkan dapat mengisi kelompangan ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua ahli akademik mahupun masyarakat dalam bidang pendidikan tinggi dan TVET.

1.10.1 Amalan

Dari segi amalan, kajian ini menyediakan panduan konkrit dan praktikal bagi pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan vokasional. Untuk pensyarah Kolej Vokasional, dapatan kajian ini tidak hanya menjelaskan kepentingan peranan mereka dalam memberikan sokongan sosial, tetapi juga

menyediakan strategi spesifik untuk meningkatkan kemampuan mereka dalam membantu pelajar. Sebagai contoh, hasil kajian mendapati bahawa sokongan sosial dari pensyarah mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap disiplin pelajar berbanding sokongan sosial lain, maka pensyarah dapat merancang pendekatan pengajaran yang lebih menekankan hubungan interpersonal dan empati dalam interaksi mereka dengan pelajar. Bagi ibu bapa pelajar Kolej Vokasional, kajian ini memberikan panduan khusus tentang bagaimana mereka boleh menyediakan sokongan sosial yang berkesan sesuai dengan tahap perkembangan anak-anak mereka yang berada di peringkat remaja akhir dan awal dewasa contohnya ibu bapa boleh meluangkan masa dengan pelajar seperti memberi nasihat, teguran, dan motivasi dalam mempengaruhi disiplin pelajar. Untuk pelajar Kolej Vokasional sendiri, dapatan kajian ini memberikan pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi disiplin mereka, serta strategi konkrit untuk meningkatkan motivasi dan resiliensi diri. Dengan memahami pengaruh sokongan sosial, motivasi, dan resiliensi terhadap disiplin, pelajar dapat mengembangkan strategi daya tahan dan pengurusan diri yang lebih berkesan untuk mengelakkan diri dari terlibat dalam masalah disiplin. Hal ini dapat dilakukan melalui program-program intervensi yang dirancang berdasarkan dapatan kajian ini, seperti program pembangunan kemahiran sosial, pengurusan emosi, dan teknik-teknik meningkatkan motivasi dan resiliensi.

1.10.2 Organisasi

Dari segi organisasi, kajian ini memberi manfaat spesifik dan praktikal kepada pengurusan Kolej Vokasional dan Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV). Berdasarkan dapatan berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi disiplin pelajar, pihak pengurusan Kolej Vokasional dapat merancang dan melaksanakan program intervensi yang lebih tepat sasaran dan berkesan. Sebagai contoh, dapatan menunjukkan bahawa resiliensi kolej mempunyai pengaruh yang kuat terhadap disiplin pelajar, maka program pembangunan resiliensi boleh diintegrasikan dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum kolej. Kajian ini juga memberikan panduan konkrit kepada Kolej Vokasional dalam merancang mekanisme sokongan yang lebih komprehensif untuk pelajar berdasarkan jantina. Jika dapatan menunjukkan perbezaan signifikan dalam faktor-faktor yang mempengaruhi disiplin antara pelajar lelaki dan

perempuan, maka program intervensi yang berbeza boleh dirancang untuk memenuhi keperluan khusus kedua-dua kumpulan. Hal ini memastikan penggunaan sumber yang lebih cekap dan keberkesanan program yang lebih tinggi.

Selain itu, kajian ini menyediakan data empirikal yang boleh digunakan oleh BPLTV untuk menilai keberkesanan sistem pengurusan disiplin sedia ada di Kolej Vokasional. Dapatan kajian dapat menunjukkan kelemahan dalam pendekatan semasa dan mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Sebagai contoh, jika kajian mendapati bahawa sokongan sosial pensyarah kurang berkesan dalam konteks tertentu, BPLTV boleh merancang program latihan khusus untuk meningkatkan keupayaan pensyarah dalam memberikan sokongan yang berkesan kepada pelajar.

1.10.3 Dasar dan Polisi

Dari segi dasar dan polisi, kajian ini menyumbang kepada pengembangan dasar pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat kebangsaan dengan menyediakan bukti empirikal tentang faktor-faktor yang mempengaruhi disiplin pelajar di Kolej Vokasional. Dapatan kajian dapat digunakan oleh KPM untuk merangka dasar dan peraturan yang lebih efektif dalam menangani isu disiplin pelajar di Kolej Vokasional. Secara khusus, dapatan kajian berkaitan pengaruh sokongan sosial, motivasi, dan resilien terhadap disiplin pelajar dapat digunakan untuk merangka program pembangunan profesional yang lebih berkesan untuk pensyarah Kolej Vokasional. Program ini boleh memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu yang dikenal pasti mempunyai pengaruh kuat terhadap disiplin pelajar, seperti teknik-teknik meningkatkan motivasi atau strategi membina resilien dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga menyumbang kepada pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dengan menyediakan data dan maklumat yang relevan untuk mencapai matlamat meningkatkan kualiti sistem TVET di Malaysia.

Dapatan kajian dapat membantu KPM dalam merangka dasar dan program yang lebih berkesan untuk menangani isu disiplin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional, sekaligus meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan. Selain itu, kajian ini memberikan input penting untuk pembangunan sistem pengurusan disiplin yang lebih komprehensif dan berkesan di Kolej Vokasional. Berdasarkan pemahaman

tentang faktor-faktor yang mempengaruhi disiplin pelajar, KPM dapat mengembangkan garis panduan dan prosedur yang lebih tepat untuk menangani isu disiplin di Kolej Vokasional. Ini termasuk pendekatan yang lebih berasaskan bukti dalam menangani pelbagai jenis kesalahan disiplin, dengan mengambil kira pengaruh sokongan sosial, motivasi, dan resilien. Dalam konteks dasar pendidikan tinggi secara keseluruhan, dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada pengembangan dalam pendidikan vokasional yang lebih holistik, yang tidak hanya memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran teknikal tetapi juga pembangunan disiplin diri dan sahsiah pelajar. Dapatan kajian ini dapat diintegrasikan dalam kurikulum pendidikan vokasional di peringkat kebangsaan, sekaligus meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan oleh sistem TVET di Malaysia.

1.10.4 Teoretikal

Dari segi teoretikal, kajian ini menyumbang kepada pengembangan dan pengintegrasian tiga teori utama dalam konteks pendidikan vokasional di Malaysia. Pertama, kajian ini memperluaskan aplikasi Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979) dengan mengenal pasti bagaimana interaksi antara pelbagai sistem (mikro dan Mesos) dalam persekitaran pelajar Kolej Vokasional secara spesifik mempengaruhi pembentukan disiplin mereka. Hasil kajian ini memberikan bukti empiris tentang bagaimana sokongan sosial dari tiga sumber utama (ibu bapa, rakan sebaya, dan pensyarah) berinteraksi dan mempengaruhi disiplin pelajar dalam konteks pendidikan vokasional yang menekankan kemahiran praktikal dan pengetahuan teknikal. Kedua, kajian ini memperkaya Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory) oleh Ryan dan Deci (2000) dengan menunjukkan bagaimana motivasi intrinsik dan ekstrinsik beroperasi dalam konteks khusus pendidikan vokasional di Malaysia. Dapatan kajian dapat menjelaskan dengan tepat jenis motivasi yang lebih berpengaruh dalam membentuk disiplin pelajar Kolej Vokasional, sekaligus menyediakan bukti empiris untuk teori ini dalam konteks budaya dan pendidikan yang berbeza dari kajian-kajian terdahulu yang kebanyakannya dijalankan di negara Barat. Ketiga, kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan konsep resilien dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional dengan mengaplikasikan model resilien Kumpfer (1999) dalam konteks pelajar Kolej Vokasional di Malaysia. Dapatan kajian ini

menunjukkan secara khusus bagaimana aspek faktor dalaman dan faktor persekitaran berinteraksi dan mempengaruhi disiplin pelajar dalam persekitaran pendidikan vokasional.

1.11 BATASAN KAJIAN

- a) Kajian ini juga menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Justeru, ketepatan kajian ini adalah akan bergantung sepenuhnya kepada tahap kefahaman, bias dalam pemilihan sampel kerana tidak memilih pelajar yang bermasalah 100%. Penggunaan metodologi kuantitatif tanpa penggunaan metodologi kualitatif, serta kejujuran seseorang responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan oleh penyelidik secara sukarela. Ini kerana Soal selidik dan kaedah kuantitatif menawarkan pelbagai kelebihan yang menjadikannya pilihan utama dalam penyelidikan, terutamanya kerana sifatnya yang objektif dan tidak bias dalam mengumpul data numerik yang boleh dianalisis secara statistik untuk menghasilkan keputusan yang tepat dan boleh dipercayai.
- b) Terdapat 10 kolej vokasional yang terletak di dalam zon tengah iaitu lapan kolej vokasional di negeri Selangor dan dua kolej vokasional di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kajian ini dapat digeneralisasikan kepada pelajar kolej vokasional zon tengah sahaja. Namun kajian ini juga telah menggunakan responden dari Kolej Vokasional Slim River seramai 35 orang dalam kajian rintis sebelum kajian sebenar di jalankan. Pemilihan zon tengah kerana ada kajian sebelum ini yang menyatakan pelajar berhampiran bandar lebih banyak terdedah dengan masalah disiplin berbanding pelajar luar bandar. (Muhamamad Faizal A.Ghani et al.2014)
- c) Batasan kajian ini juga melibatkan hanya pelajar diploma pada tahun akhir sahaja untuk menjawab soal selidik kerana pelajar yang berada di tahun akhir telah melalui tahun pertama sehingga tahun akhir yang akan terlibat dengan peraturan dalam jangka masa yang agak lama dari pelajar baru, seterusnya kajian ini tidak menggunakan pelajar yang bermasalah disiplin semuanya tetapi dipilih dengan persampelan rawak stara mengikut KV.

1.12 DEFINISI ISTILAH

Di dalam ruangan ini akan membincangkan mengenai definisi istilah yang akan digunakan di dalam kajian ini. Definisi istilah yang akan digunakan ini dikenal pasti melalui tinjauan literatur dan dioperasikan berdasarkan konteks kajian ini.

1.12.1 Pelajar Kolej Vokasional

Vokasional adalah satu kemahiran yang dilatih untuk kebolehpasaran pelajar dengan kebolehannya dalam membina bakat yang terpendam lahir secara tidak langsung. Selain itu, kemahiran yang boleh dilatih dengan pengetahuan yang sedia ada dan diperkukuh dengan ilmu pembelajaran secara teknikal dan kemanusiaan dalam bidang tertentu (Romy Abd Kadir 2019). Dalam kajian ini, vokasional merujuk program yang diambil oleh pelajar Kolej Vokasional yang belajar pada tahap diploma daripada pelbagai bidang iaitu merangkumi tahun 2 dari negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.12.2 Sokongan Sosial

Sokongan sosial merujuk kepada sokongan moral yang diterima daripada individu terdekat seperti keluarga dan rakan-rakan. Remaja sangat memerlukan sokongan daripada pihak ibu bapa, guru, rakan sekelas, dan individu lain di sekeliling yang membantu mereka menyelesaikan masalah dan cabaran tertentu dalam kehidupan (Nur Hannan & Zanariah 2020). Sokongan sosial membantu melindungi dan memperbaiki kesejahteraan psikologi serta Sokongan sosial membantu mengawal disiplin, mengurangkan kadar hormon stres, menambahkan penghargaan sendiri, meningkatkan keyakinan diri, dan kesejahteraan keseluruhan (Muhammad Ashraf et al. 2019). Dalam kajian ini, sokongan sosial hanya merangkumi sokongan ibu bapa, rakan sebaya dan pensyarah kolej vokasional sahaja. Sokongan sosial dalam kajian ini diukur apabila seseorang pelajar banyak menerima sokongan yang positif oleh sokongan sosial maka dia dikenal pasti sebagai pelajar yang mempunyai sokongan sosial. Pengukuran kajian ini diadaptasi dari Instrumen remaja salah laku disiplin oleh Dr Zainol (Zainol Abidin & Mohammad Nasir 2017).

1.12.3 Motivasi

Motivasi adalah kemampuan secara lahiriah seseorang dalam mempertingkatkan semangat, kebolehan diri, arah dan kegigihan dalam membentuk keperibadian dan tingkah laku. Tingkah laku seseorang itu akan terhasil daripada sikap yang mempunyai tujuan dan kental dalam mengharungi cabaran. Oleh itu, seseorang itu akan mempunyai kekuatan melalui tujuan dan matlamat yang ingin dicapai oleh seseorang (Hariyanti Abd Hamid et al. 2020). Dalam kajian ini, motivasi digerakkan oleh dua sumber iaitu sumber dalaman dan sumber luaran dalam usaha membentuk disiplin pelajar kolej vokasional (Mohd Adnan 2018). Elemen motivasi ini akan diuji kepada pelajar diploma kolej vokasional untuk melihat sejauh mana pengaruh motivasi dalam kalangan pelajar diploma kolej vokasional. Dalam kajian ini, pengukuran motivasi adalah untuk melihat motivasi dalaman atau motivasi luaran yang lebih mempengaruhi seseorang pelajar dalam melakukan disiplin. Instrumen remaja salah laku di adaptasi dalam kajian ini bagi mengukur motivasi dalaman dan luaran seseorang pelajar (Zainol Abidin & Mohammad Nasir 2017).

1.12.4 Resilien

Resilien ini adalah daya tahan yang terhasil daripada proses keupayaan diri untuk mencapai kejayaan yang diadaptasikan berdasarkan kepada keadaan semasa dengan cabaran dan ancaman tertentu (Azizah Sarkowi 2019). Ini bermakna resilien merupakan satu daya tahan yang ada dalam diri seseorang pelajar untuk menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran. Resilien ini merupakan elemen yang boleh mengelakkan diri pelajar daripada terpengaruh persekitaran yang membolehkan diri pelajar bermasalah disiplin. Dalam kajian ini resilien di ukur daripada faktor dalaman dan faktor persekitaran dengan menggunakan instrumen dari Baltaci dan Karatas (2015) telah menghasilkan instrument *The Resilience Scale For Early Adolescents-RSEA* yang terdiri daripada tiga aspek utama iaitu Resilien kepada diri, keluarga dan alam persekolahan.

1.12.5 Disiplin

Disiplin ialah tingkah laku ketaatan individu terhadap peraturan untuk melahirkan tingkah laku yang baik, di mana seseorang di latih untuk mengawal diri dan mentaati perintah

(Nur 'Izzati & Mohd Al Adib 2020). Di peringkat sekolah pula disiplin adalah berkait rapat dengan peraturan yang dijadikan sebagai kaedah mengawal tingkah laku pelajar dengan cara dihukum atau di beri penghargaan mengikut kewajaran (Nur 'Izzati & Mohd Al Adib 2020). Kajian ini difokuskan terhadap bentuk kesalahan pelajar yang di rekod oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam Sistem Sahsiah Diri Murid kategori yang dikemukakan ialah tingkah laku jenayah, buli, merokok, ponteng, tingkah laku lucah, tingkah laku tidak sopan, vandalisme, tingkah laku tidak amanah, kenakalan, tidak pentingkan masa, kekemasan diri (Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia 2019) Instrumen remaja salah laku di adaptasi dalam kajian ini bagi mengukur disiplin seseorang pelajar (Zainol Abidin & Mohammad Nasir 2017) berdasarkan kepada kategori kesalahan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM).

1.13 RUMUSAN

Pendidikan tinggi di Malaysia berkembang dengan pesat di mana pelbagai institusi pemberi pendidikan tinggi menyelaraskan kurikulum standard mengikut keperluan *Malaysian Qualification Accreditation* (MQA) yang mana MQA ini di kuatkuasakan oleh satu badan yang diberi nama Malaysian Qualification Accreditation. Implikasi dari penguasaan undang-undang ini semua pemberi pendidikan tinggi akan berusaha untuk menjaga kualiti pada paras yang optimum selaras dengan kehendak MQA.

Pendidikan tinggi di Malaysia terdiri dari IPTA dan IPTS yang menawarkan pelbagai bidang kepada pelajar sesuai dengan kepakaran mereka dalam memberi pendidikan tinggi. IPTA dan IPTS ini terdiri dari Universiti, Institut dan Kolej. Kolej Vokasional merupakan pemberi pendidikan tinggi bagi bidang Vokasional atau TVET. Kolej Vokasional merupakan kolej pertama di bawah kementerian Pendidikan Malaysia yang menggunakan pendekatan pembelajaran yang berasaskan hasil atau lebih di kenali sebagai *Outcome Base Education (OBE)*. Pembelajaran berasaskan hasil ini terbahagi kepada tiga domain iaitu dari aspek kognitif iaitu berkaitan kemahiran berfikir domain afektif berkaitan sikap serta domain psikomotor yang berkaitan kemahiran praktikal mereka. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap sokongan sosial, motivasi, resilien dan disiplin, kajian ini juga untuk mengenal pasti perbezaan sokongan sosial, motivasi, Resilien dan disiplin berdasarkan faktor demografi jantina, kajian ini juga mengenal pasti hubungan sokongan sosial,

motivasi, resilien dengan disiplin serta pengaruh aspek sokongan sosial, motivasi dan resilien terhadap disiplin pelajar diploma kolej vokasional.

Kajian ini juga memberi gambaran umum seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah yang menjadi titik tolak kajian ini dijalankan. Tujuan kajian berserta objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi istilah bagi melihat secara menyeluruh aspek –aspek yang terlibat dalam kajian yang di jalankan. Bab ini juga membincangkan mengenai batasan kajian dan kepentingan kajian yang dijalankan supaya penyelidikan ini berfokus dan dapat mencapai matlamat kajian.

Bab seterusnya akan membincangkan secara terperinci mengenai sokongan sosial ibu bapa, sokongan sosial rakan sebaya, sokongan sosial pensyarah iaitu bentuk sokongan yang diberikan dan kesan sokongan sosial kepada pelajar dan disiplin mereka. Selain itu akan dibincangkan juga mengenai jensi dan kategori kesalahan disiplin dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) yang merangkumi 12 kategori kesalahan besar yang mana di bawah setiap kesalahan tersebut mempunyai sub item kesalahan antara kategori kesalahan disiplin tersebut ialah tingkah laku Jenayah, Buli, Merokok, Ponteng, Tingkah Laku Lucuh, Tingkah Laku Kurang Sopan, Vandalisme, Tingkah Laku tidak Amanah, Kenakalan, Tidak Pentingkan Masa, kekemasan Diri dan Kes – kes khas.

Bab seterusnya juga akan membincangkan disiplin mengikut jantina iaitu kekerapan kes disiplin yang dilakukan oleh pelajar lelaki atau pelajar perempuan mengikut kajian lepas untuk melihat disiplin dari sudut gender kerana kajian ini perlu melihat disiplin mengikut gender supaya perancangan intervensi dapat disesuaikan mengikut gender. Seterusnya juga akan membincangkan tentang teori yang mendasari kajian iaitu teori Ekologi dari Bronfenbrenner (1977) teori ini membincangkan mengenai sistem ekologi yang mempengaruhi perkembangan tingkah laku manusia iaitu terdapat lima lapisan yang mempengaruhi perkembangan tingkah laku manusia iaitu bermula dengan lapisan Mikrosistem, Mesosistem, Ekosistem, Makrosistem. Kajian ini juga menggunakan teori motivasi iaitu teori Penentuan Kendiri atau teori SDT (Self determination theory) yang diperkenalkan oleh Ryan dan Deci pada tahun

2000 iaitu motivasi terbahagi kepada dua kategori iaitu motivasi dalaman atau instrinsik dan motivasi luaran ekstrinsik. Aspek resilien juga akan dikaji melalui kajian ini iaitu resilien merupakan daya tahan seseorang berkaitan keadaan yang menekan terhadap diri mereka namun dapat diatasi.



RUJUKAN

- Abd Majid, M., Azizan, N.I., Mohd Haridi, N.H., Mohamad, N., Usman, A.H., Ismail, Z. & Abdul Rahman, A.H. 2023. Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen Di Pusat Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Pengajian Islam* 16(1): 22–41.
- Abdel Aziz Sartawi, Othman N. Alsawaie, Hamzah Dodeen, Sana Tibi & Iman M.Alghazo. 2012. Predicting Mathematics Achievement by Motivation and Self-Efficacy Across Gender and Achievement Levels. *Interdisciplinary Journal of Teaching and Learning* 2, Number 2 <https://www.researchgate.net/publication/339473067>.
- Abdul Halim Remly, Amran Abdul Halim, A.S.Azmi. 2022. Pendekatan As-Sunnah Dalam Mendepani Masalah Disiplin Pelajar: Kajian Terhadap Kutub Sittah. *Persaingan Dalam Perniagaan: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Al-Quran Dan Sunnah Ahmad* (Swan): 437–445. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/27>.
- Abdul Munir Ismail, S.S.& M.Jemali. 2013. Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif* 2: 2–3.
- Abdullah Khairi Haroon, M.S.M.Sidik. 2022. Daya Tahan Diri Pelajar Tahfiz di JHEAIPP. *Science* 7(1): 1–8. <http://link.springer.com/10.1007/s00232-014-9701-9><http://link.springer.com/10.1007/s00232-014-9700-x><http://dx.doi.org/10.1016/j.jmr.2008.11.017><http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S1090780708003674><http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/1191>.
- Ab.Hamid Ali, M.R.I.& M.N.A.Rahman. 2021. Efikasi Kendiri, Disiplin Belajar Dan Pegangan Agama Serta Hubungannya Terhadap Motivasi Ke Sekolah Dalam Kalangan Murid-Murid Orang Asli Sekolah Menengah Kebangsaan Bawong, Sungai Siput Perak. *The Online Journal Of Islamic Education April 2021, Vol. 9, Issue 1*
- Adams, N., Little, T.D. & Ryan, R.M. 2017. Self-determination theory. *Development of Self-Determination Through the Life-Course* 55(1): 47–54.
- Ahmad Fauzi Mohd Ayu, Aida Suraya Md Yunus, R.M. 2018. Pengaruh guru, rakan sebaya dan sokongan keluarga terhadap keterlibatan matematik dalam kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 8(1): 1–12.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, Khairunnisa A Shukor, . 2001. Pembinaan Hubungan Di Antara Guru Dengan Pelajar *14*(4): 4–6.
- Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Siti Syarah binti Mohd Tawil, Shuhaib bin Supani, A.Z.A. bin A.Ariffin. 2022. Motivasi Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran

Secara Atas Talian Dan Bersemuka: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar IKMAS. *Sains Insani* 72–83.

Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin, M.S.K. 2017. Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar IPTA dari Perspektif Sorotan Kajian 1(September): 102–112.

Akina Sia Seng Lee, W., Rengasamy, S., Boon Hooi, L., Raju, L., Varatharajoo, C. & Sukumaran, S. 2014. Motivasi Intrinsik Murid Tingkatan Empat Terhadap Aktiviti Dalam Pendidikan Jasmani Abstrak <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/13155> [9 November 2024].

Alia Yashak, Mohamad Syafiq Ya Shak, M.H.M.T.S.M.S.F.Mohamed. 2020. Faktor Motivasi Teori Dua Faktor Herzberg dan Tahap Motivasi. *Sains Insani* 5(2): 65–74. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/192/147>.

